

# KULIAH ZOHOR

**“Mengutamakan Proses Yang Aman Dalam Dakwah”**

**Masjid Maarof | 22 Mei 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاجْتَنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ

وَإِنْ يُرِيدُوا أَنْ يَخْدَعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ اللَّهُ هُوَ الَّذِي أَيْدَكَ  
بِنَصْرِهِ وَبِالْمُؤْمِنِينَ

“Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Dan jika mereka bermaksud hendak menipumu, sesungguhnya cukuplah Allah (menjadi pelindungmu). Dialah yang memperkuatmu dengan pertolonganNya dan dengan orang-orang beriman.” (Al-Anfal: 61-62)

# Pengajaran

1. Dakwah lebih utama dilaksanakan dalam suasana aman
  - dakwah yang aman adalah lebih utamakan dari kekerasan
2. Bukan makna jihad itu tidak perlu atau orang yang berdakwah secara aman lebih utama dari para mujahidin
  - maksud ialah jihad ada tempat dan masanya, dakwah secara aman ada tempat dan masanya
  - jika dakwah secara aman masih luas dan memungkinkan, adalah lebih utama kerana lebih sesuai dengan fitrah manusia

3. Para mujahidin di medan jihad yang tulen tetap lebih mulia kerana firman Allah taala di Al-Nisa' : 95
  
4. Fakta sejarah
  - jumlah kemasukan Islam selepas Perjanjian Hudaibiyah lebih ramai dari jumlah keseluruhan yang masuk Islam sebelum perjanjian
  - dakwah secara aman berkesan seperti yang berlaku ke atas masyarakat Madinah, rantau Melayu dan banyak bumi yang lain

5. Ambil kira faktor Allah taala dalam memastikan kejayaan dakwah dan sokongan manusia
  - Allah taala sebut kebergantungan kepada Allah taala dahulu sebelum sokongan orang-orang beriman
  - faktor Allah taala ialah dapatkan bantuan melalui taqarrub yang berterusan
  
6. Kebergantungan kepada Allah taala menjadikan seseorang lebih istiqamah bagi capai maslahat yang lebih utama bagi dakwah kerana dia tidak lakukan dakwah kerana kewujudan individu tertentu atau kawan-kawannya
  - di mana ada maslahat besar untuk dakwah, di situ dia main peranan, walau pun sendirian kerana Allah taala sebagai tempat bergantung

# KULIAH ZOHOR

**“Insan Tidak Soleh Dalam Keluarga Sendiri”**

**Masjid Maarof | 22 Mei 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ كَفَرُوا امْرَأةَ نُوحٍ وَامْرَأةَ لُوطٍ كَانَتَا تَحْتَ  
عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ  
شَيْئًا وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّٰخِلِينَ



“Allah membuat isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Luth perumpamaan bagi orang-orang kafir. Keduanya berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang soleh di antara hamba-hamba Kami, lalu kedua isteri itu berkhianat kepada kedua suaminya, maka kedua suaminya itu tiada dapat membantu mereka sedikitpun dari (siksa) Allah, dan dikatakan (kepada keduanya): Masuklah ke neraka bersama orang-orang yang masuk (neraka).” (Al-Tahrim: 10)

# Pengajaran

1. Keimanan bukan sesuatu yang boleh diwarisi
  - menjadi isteri / anak seorang nabi atau lahir dalam keluarga ulama tidak menjamin kejayaan dan kesolehan seseorang
  - didiklah anak / isteri untuk menjadikan mereka soleh
2. Ahli keluarga yang tidak soleh bukan alasan untuk mencacatkan kewibawaan dan keperibadian seseorang
  - kecelaan apabila tidak berusaha untuk berdakwah keluarganya yang sedemikian, ambil mudah dan redha terhadap kemungkaran
  - Nabi Nuh dan Nabi Luth tidak dicela atas keingkaran isteri mereka

3. Jangan cepat menghukum individu yang ada ahli keluarga yang tidak soleh
  - mungkin dia seperti Nabi Nuh, yang lebih mulia dari kita
  
4. Allah taala mencuba manusia dengan pelbagai bentuk ujian
  - ahli keluarga yang tidak soleh
  - jika ditaqdirkan demikian, jangan berputus asa
  - berusaha dan terus berusaha
  - sabar atas usaha yang berterusan berpahala
  - mungkin peluang untuk merapatkan martabat dirinya kepada martabat Nabi Nuh dan Luth

5. Seseorang tidak dihisab atas keingkaran orang lain
  
6. Yang dituntut hanyalah usaha sedaya upaya
  - natijah dan hidayah ketentuan Allah taala